



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS FLAG-OFF PROGRAM LIGA SUKAN UNITI 3.0

**KOTA KINABALU, 15 SEPTEMBER 2024** – Majlis Flag-off Program Liga Sukan Uniti telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Kota Kinabalu, Sabah. Liga Sukan Uniti ini akan berlangsung dua bulan iaitu **September dan Oktober 2024** dengan melibatkan tiga sukan utama iaitu **bola jarring, futsal dan badminton**. Ini merupakan penganjuran buat kali ketiga oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN).

Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk mengeratkan pelbagai bangsa dan budaya melalui Detik-Detik Perpaduan '*Moments of Unity*' melalui platform sukan. Penganjuran pada tahun ini adalah dengan kerjasama rapat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Persatuan Bola Jaring Malaysia, Persatuan Bolasepak Malaysia dan Persatuan Badminton Malaysia.

Kementerian turut menyasarkan penglibatan seramai lebih **4,000 pasukan** merangkumi **40,000 orang peserta** dari pelbagai kaum dan bangsa. Kejohanan ini akan dilaksanakan di **peringkat negeri dan kebangsaan**. Kementerian telah menetapkan bahawa **kejohanan peringkat kebangsaan akan dilaksanakan pada 26 & 27 Oktober 2024 di Uptown Sport, Bandar Baru Bangi**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata sejarah telah membuktikan bahawa sukan mempunyai kuasa luar biasa dalam menyatukan pelbagai latar belakang dan budaya. Dari padang bola sepak hingga ke sukan komuniti, sukan mencerminkan nilai-nilai penting seperti disiplin, kerjasama, dan semangat kesukaran. Ini adalah nilai-nilai yang kita semua, tidak kira bangsa, agama, atau budaya, boleh pelajari dan amalkan dalam kehidupan seharian. Sukan adalah bahasa universal yang mampu merentasi sempadan dan memecahkan dinding-dinding pemisah antara kita.

Marilah kita jadikan sukan sebagai medium untuk meningkatkan rasa cinta dan kebanggaan terhadap negara kita. Semoga dengan usaha bersama ini, kita dapat membina sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu, harmoni, dan sejahtera.

Kementerian Perpaduan Negara

15 September 2024